

Ahli PIDM

## PROMOSI DANA HARGA BERUBAH ASNB

Dikemas kini pada 19 Jan 2022

### **TEMPOH PROMOSI**

1. **Promosi Dana Harga Berubah ASNB** ("Promosi") Hong Leong Islamic Bank Berhad 200501009144 (686191-W) (HLISB) bermula pada 18 Januari 2022 dan berakhir pada 28 Februari 2022, termasuk kedua-dua tarikh atau apabila mencapai sasaran promosi, bergantung kepada yang mana berlaku dahulu ("Tempoh Promosi"), melainkan diberitahu sebaliknya.

### **TERMA DAN SYARAT**

2. Berikut adalah terma dan syarat ("T&S") yang terpakai untuk Promosi ini.

### **KELAYAKAN**

3. Untuk layak menyertai Promosi ini, peserta ("Pelanggan") perlu memenuhi kriteria berikut:
  - Pengguna sedia ada Hong Leong Connect Online Banking; **DAN**
  - Pemegang unit sedia ada dana berubah ASNB yang disenaraikan di dalam Promosi ini.

### **KAEDAH PROMOSI**

#### i) **e-Baucar Shopee ("Ganjaran")**

4. Untuk menyertai Promosi ini, Pelanggan dikehendaki memenuhi syarat-syarat di bawah untuk layak mendapat Ganjaran.
  - (a) Pelanggan dikehendaki melabur sejumlah minimum Ringgit Malaysia Lima Ribu ("RM5,000") ke dalam dana Harga Berubah ASNB yang terpilih ("Pelaburan Terpilih") seperti yang dinyatakan di bawah semasa Tempoh Promosi; dan

No	Nama Dana	Pembekal Dana
1.	ASN	
2.	ASN EQUITY 2	
3.	ASN EQUITY 3	
4.	ASN EQUITY 5	
5.	ASN IMBANG 1	
6.	ASN IMBANG 2	
7.	ASN IMBANG 3 GLOBAL	
8.	ASN SARA 1	
9.	ASN SARA 2	

Amanah Saham  
Nasional Berhad  
(ASNB)

5. Pelanggan yang memenuhi syarat-syarat di atas akan layak untuk menerima Ganjaran bernilai RM25 untuk setiap transaksi pelaburan RM5,000.
6. Untuk mengelakkan sebarang keraguan:
  - (a) Ganjaran akan diberikan akan berdasarkan setiap transaksi dan bukannya berdasarkan jumlah pelaburan terkumpul.
  - (b) Kod e-Baucar akan dihantar kepada Pelanggan yang layak melalui SMS kepada nombor telefon bimbit yang telah berdaftar dengan bank dalam tempoh 90 hari dari tarikh berakhir tempoh promosi.
  - (c) Illustrasi kelayakan ganjaran adalah seperti dibawah

Scenario	Butiran Pelaburan	Kelayakan Dan Justifikasi
Scenario 1	Jumlah pelaburan RM5,000; 1) RM2,500 di dalam ASN Sara 1 2) RM2,500 di dalam ASN Sara 2	Tidak layak kerana Ganjaran diberikan berdasarkan transaksi dan bukannya jumlah pelaburan terkumpul.
Scenario 2	Jumlah pelaburan RM20,000; 1) RM10,000 di dalam ASN Imbang 2 2) RM10,000 di dalam ASN Sara 2	Layak untuk Ganjaran berjumlah RM100; RM50 untuk setiap transaksi pelaburan
Scenario 3	Jumlah pelaburan RM20,000; 1) RM5,000 di dalam ASN Imbang 2 2) RM15,000 di dalam ASN Sara 2	Layak untuk Ganjaran bernilai RM100; RM25 untuk pelaburan di dalam ASN Imbang 2 dan RM75 untuk pelaburan di dalam ASN Sara 2
Scenario 4	Jumlah pelaburan RM15,000 di dalam ASN Equity 5 dalam 3 transaksi sepanjang Tempoh Promosi. 1) RM9,900 dalam transaksi pertama 2) RM4,900 dalam transaksi kedua 3) RM200 dalam transaksi ketiga	Layak untuk Ganjaran berjumlah RM25 untuk transaksi pertama sahaja. Transaksi kedua dan ketiga tidak memenuhi syarat jumlah pelaburan minima RM5,000 setiap transaksi.

7. HLISB akan menghantar Ganjaran dalam bentuk e-kod unik yang dikeluarkan oleh Shopee melalui SMS kepada nombor telefon bimbit Pelanggan yang layak yang berdaftar dengan Bank.
8. Pelanggan yang layak akan bertanggungjawab untuk menebus Ganjaran yang diterima melalui aplikasi Shopee atau laman sesawang Shopee selepas menerima e-kod unik itu.
9. Ganjaran yang tidak ditebus dan tidak digunakan selepas tarikh luput akan terbatal dan tidak akan digantikan.
10. Penggunaan Ganjaran adalah tertakluk kepada Terma dan Syarat Pengguna Shopee, dan Pelanggan yang layak adalah bertanggungjawab untuk membaca dan memahami polisi keselamatan dan privasi dan terma dan syarat Shopee.
11. HLISB tidak akan bertanggungjawab sekiranya pemenuhan Ganjaran tidak dapat dilakukan akibat dari nombor telefon bimbit yang salah atau yang tidak digunakan diberikan oleh Pelanggan yang layak.

ii) **SAMSUNG GALAZY Z FLIP 3 5G ("TELEFON")**

12. Pelanggan yang melabur minimum RM50,000 akan mendapat sebuah Telefon, terhad kepada 6 pelanggan yang melabur dengan jumlah pelaburan terkumpul tertinggi di dalam Pelaburan Terpilih semasa Tempoh Promosi melalui laman sesawang Hong Leong Connect Online Banking. Sekiranya terdapat lebih dari 1 pelanggan dengan jumlah pelaburan yang sama, pemenang akan dipilih berdasarkan pelanggan yang membuat pelaburan pada tarikh yang lebih awal.

Ahli PIDM

13. Pemenang Telefon akan diberitahu melalui SMS dan/atau email (berdasarkan nomber telefon bimbit dan/atau alamat email di dalam rekod Bank).
14. Telefon akan dihantar ke cawangan Bank yang paling hampir dengan alamat pelanggan sebelum 30 April 2022 dan perlu diambil oleh pelanggan atas kos dan perbelanjaan sendiri sebelum 30 Jun 2022. Kegagalan berbuat demikian sebelum 30 Jun 2022, akan menyebabkan pembatalan kemenangan hadiah Telefon yang dimenangi.
15. Pihak Bank berhak atas budi bicaranya menggantikan Telefon ini dengan barang lain yang mempunyai nilai yang sama..
16. Untuk mengelakkan keraguan, pihak Bank tidak memberikan sebarang representasi atau jaminan berhubung dengan kualiti dan kesesuaian Telefon (termasuk tetapi tidak terhad kepada tempoh sah dan/atau penggunaan Telefon dan tidak akan bertanggungjawab untuk menggantikan Telefon yang hilang/dicuri atau rosak). Pelanggan akan berhubung terus dengan pihak pengedar untuk sebarang pertanyaan, pertikaian atau tuntutan berkait dengan Telefon tanpa melibatkan pihak Bank.
17. Paparan telefon di mana mana bahan bercetak dan/atau laman sesawang Bank adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja. Sebarang props dan peralatan tambahan yang dipaparkan bersama Telefon di mana mana bahan bergambar adalah untuk tujuan perhiasan dan bukan sebahagian dari Telefon.
18. HLISB berhak untuk meminda penyertaan dana yang disenaraikan dalam Klausula 4 (a) dari semasa ke semasa dalam Tempoh Promosi dan pindaan itu termasuk dana baru untuk Promosi ini.
19. Pelanggan yang layak bersetuju untuk bertanggungjawab dan menanggung semua cukai yang dikenakan, yuran kerajaan atau apa-apa caj lain yang mungkin dikenakan terhadap mereka di bawah undang-undang yang terpakai, jika ada, berhubung dengan penyertaan mereka dalam Promosi tersebut.

#### **TRANSAKSI PRODUK PELABURAN**

20. Pelaburan dalam Dana Harga Berubah ASNB menggunakan dana yang dikeluarkan daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ("KWSP") adalah tidak layak untuk menikmati Promosi ini.
21. Semua terma dan syarat yang sedia ada, peraturan dan undang-undang yang mengawal urusniaga Pelaburan Terpilih adalah diguna pakai.
22. Terma dan syarat yang mengawal urus niaga Unit Amanah dan produk Pelaburan Terpilih ditentukan dalam Prospektus terkini dan Prospektus Tambahan (jika ada) yang telah didaftarkan dan diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia yang akan ditadbir oleh dan dikawal selaras dengan Akta Pasaran Modal Dan Perkhidmatan 2007 (sebagaimana yang dipinda) dan garis panduan dan arahan yang berkaitan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa yang berkenaan.
23. Penafian Unit Amanah: -
  - (a) Dokumen ini tidak boleh dianggap sebagai tawaran atau pelawaan untuk melanggan unit amanah dan tidak boleh dianggap sebagai tawaran oleh HLISB atau Hong Leong Bank Berhad (HLBB) untuk langganan unit amanah oleh sesiapa.
  - (b) Pelabur dinasihatkan untuk membaca dan memahami kandungan prospektus yang telah didaftarkan dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, sebelum melabur.
  - (c) Salinan prospektus boleh didapati dari mana-mana cawangan HLBB dan HLISB atau pejabat Pengurus Dana. Salinan elektronik prospektus ini juga boleh didapati di laman sesawang HLISB di <https://www.hlisb.com.my/asnb>

Ahli PIDM

- (d) Sebarang terbitan unit yang berkaitan dengan prospektus hanya akan dibuat apabila menerima borang permohonan yang dirujuk dan disertakan dengan salinan prospektus.
- (e) Pelabur perlu mengambil perhatian bahawa terdapat yuran dan caj yang terlibat dalam pembelian unit amanah.
- (f) Pelabur dinaisahkan untuk menimbangkan yuran dan caj yang terlibat sebelum melabur dan merujuk kepada penasihat kewangan atau penasihat profesional lain yang berlesen, jika ragu-ragu tentang apa-apa ciri atau sifat dana.
- (g) Sila ambil perhatian bahawa harga unit dan pengagihan yang perlu dibayar, jika ada, boleh turun atau naik.
- (h) Prestasi dana yang lalu tidak menunjukkan prestasi masa depannya.
- (i) Pulangan atas pelaburan unit amanah tidak dijamin dan unit amanah bukan merupakan deposit bank atau bukan kewajipan HLISB atau HLBB dan tidak dijamin atau diinsuranskan oleh HLISB atau HLBB dan tertakluk kepada risiko pelaburan, termasuk kemungkinan kehilangan jumlah pokok yang dilaburkan.
- (j) Skim unit amanah dan unit dalam skim sedemikian tidak dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ("PIDM"), dan apa-apa wang yang dikeluarkan daripada deposit yang diinsuranskan untuk tujuan membeli mana-mana unit dalam skim unit amanah tidak dilindungi oleh PIDM.

"

#### **KEPERLUAN TEKNIKAL**

24. HLISB tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang masalah yang disebabkan atau berkait dengan sambungan rangkaian internet, aplikasi perisian atau sistem. HLISB tidak akan bertanggungjawab terhadap sesiapa untuk sebarang keadaan diluar kawalannya, sebarang kelewatan atau arahan yang tidak diterima atau permintaan yang dibuat oleh sesiapa.

#### **AM**

25. Dengan menyertai Promosi ini, Pelanggan bersetuju:
- (a) terikat oleh T & S di sini;
  - (b) bahawa keputusan HLISB mengenai semua perkara yang berkaitan dengan Promosi adalah muktamad, konklusif dan mengikat semua Pelanggan; dan
  - (c) bertanggungjawab dan secara peribadi akan menanggung semua cukai yang dikenakan, bayaran kerajaan atau apa-apa caj lain yang mungkin dikenakan terhadap mereka di bawah undang-undang yang terpakai, jika ada, berkaitan dengan penyertaan mereka dalam Promosi tersebut.
26. HLISB berhak:
- (a) untuk membatalkan Promosi dalam keadaan di mana terdapat pembalikan Pelanggan yang layak atau penamatkan Tempoh Promosi pada setiap masa atau tidak mematuhi Terma dan Syarat yang terkandung di sini;
  - (b) untuk menambah, memadam, menggantung atau mengubah Terma & Syarat yang terkandung di dalam ini, sama ada secara keseluruhan atau sebahagian, mengikut budi bicara HLISB dengan cara memaparkan di laman sesawang HLISB, atau dengan apa-apa cara yang dianggap sesuai oleh HLISB pada bila-bila masa dengan memberi notis terlebih dahulu;
  - (c) untuk membatalkan kelayakan mana-mana Pelanggan atas sebab tidak mematuhi Terma dan Syarat yang mungkin dianggap sesuai oleh HLISB untuk menyertai Promosi.
  - (d) menggantikan Ganjaran dengan barang lain dengan nilai yang sama pada budi bicara sendiri.
27. Ganjaran yang ditawarkan adalah dibiayai sepenuhnya oleh HLISB dan tidak boleh dipindah milik atau ditukar ganti dan tidak boleh ditukarkan untuk wang tunai. HLISB tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang cukai atau masalah yang mungkin timbul dari Ganjaran itu.

Ahli PIDM

28. T & S di sini dan Terma dan Syarat Umum Akaun hendaklah dibaca bersama sebagai keseluruhan perjanjian. Sekiranya berlaku sebarang percanggahan, T & S khusus ini hendaklah diutamakan setakat percanggahan tersebut.
29. T & S akan ditadbir oleh dan ditafsirkan selaras dengan undang-undang Malaysia dan Pelanggan bersetuju untuk mengemukakan kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia.

**Unit Amanah TIDAK dilindungi oleh PIDM**

**Prospektus Induk Gantian ASNB bertarikh 1 Februari 2020, Prospektus ASN Imbang (Mixed Asset Balanced) 3 Global bertarikh 16 September 2020 dan Prospektus ASN Equity Global bertarikh 1 September 2021 (“Prospektus”), telah didaftarkan dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.**

Sila baca dan fahami kandungan Prospektus tersebut bersama Halaman Serahan Produk yang terdapat di laman sesawang ([www.asnb.com.my](http://www.asnb.com.my)) cawangan dan ejen ASNB. Unit akan diterbitkan setelah penerimaan borang pendaftaran yang merujuk dan mengiringi Prospektus tersebut. Sebelum melabur, sila pertimbangkan risiko pelaburan serta yuran dan caj yang dikenakan. Harga unit dan pengagihan pendapatan, jika ada, mungkin turun dan/atau naik. Prestasi tabung masa lalu bukan jaminan prestasi masa hadapan.